

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96.

April 1996

SPU303 - Pentadbiran Pembangunan

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **TIGA** (3) soalan berikut.

1. Dengan menggunakan reformasi pentadbiran tanah sebagai contoh, bincangkan strategi bertindak yang dicadangkan oleh John D. Montgomery dan Milton J. Esman untuk melaksanakan Pentadbiran Pembangunan di Malaysia.
(100 markah)

2. Huraikan proses Perancangan Strategik dengan membincangkan penggubalan dan pelaksanaan Dasar Penswastaan.
(100 markah)

3. "Pelaksanaan DEB (Dasar Ekonomi Baru) dengan jelasnya menunjukkan peningkatan peranan 'state' di dalam proses pembangunan negara." Bincang ketepatan kenyataan ini dari perspektif politik pelaksanaan dasar.
(100 markah)

...2/-

4. Mengikut Gayl D. Ness, dalam dekad 1950an, setelah Malaya mencapai kemerdekaan, matlamat Kerajaan berubah daripada penjagaan (custody) kepada pembangunan, atau daripada keteraturan (order) kepada "output" dan "cultural" sebagai matlamat dominan. Penubuhan FIDA, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dan FELDA mencerminkan perubahan matlamat ini. Dengan menggunakan satu daripada agensi tersebut sebagai contoh, bincangkan masalah mengenapasti matlamat (problems of goals identification) dan perbezaan antara matlamat "output" dan "cultural".

(100 markah)

5. Pengertian nasionalisme ekonomi bagi negara-negara membangun khususnya masyarakat majmuk, lebih menjurus kepada persoalan indigenisasi. Bincang ketepatan kenyataan ini dengan menghuraikan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pembentukan dan pelaksanaan dasar tersebut.

(100 markah)

6. Secara kritis, nilai impak dan implikasi-implikasi peranan "multinational corporations" kepada pembangunan negara-negara membangun.

(100 markah)